

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu
sebagai memenuhi keperluan untuk Sarjana Sains

PERANAN PEMBANGKANG DALAM PARLIMEN MALAYSIA

KE-13 (2013-2018)

AMIRUL AZAM BIN ASRI

2023

Penyelia : **Rosyidah bt. Muhamad, Ph.D**

Penyelia Bersama : **Rahaya bt. Md Jamin, Ph.D**

Fakulti : **Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan
Pembangunan Sosial**

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi berparlimen dimana Pilihanraya Umum (PRU) diadakan setiap lima tahun sekali bagi memilih perwakilan, samada dari kumpulan pembangkang atau kerajaan, di Dewan Rakyat. Kajian ini menganalisis peranan pembangkang dalam Parlimen ke-13 di Malaysia dari 2013 sehingga 2018 serta penglibatan pihak pembangkang secara spesifik dalam pembentangan belanjawan di Parlimen Malaysia. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi tetapi ia sering digelar sebagai negara ‘separa demokrasi’ secara praktis. Ini kerana amalan sistem pemerintahan di Malaysia sering menyekat pembangkang daripada memainkan peranan mereka di luar Parlimen. Oleh itu, kajian ini menganalisis sejauh mana pembangkang telah memainkan peranan mereka dalam Parlimen, berpandukan tiga persoalan. Pertama, mengenal pasti isu yang menjadi tumpuan pihak pembangkang pada Parlimen ke-13; kedua, menilai sejauh mana pihak pembangkang mengambil bahagian dalam perbahasan secara spesifik dalam pembentangan belanjawan negara pada Persidangan Parlimen ke-13; dan ketiga, meneliti peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang di Parlimen Malaysia ke-13. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis teks sebagai

teknik kajian. Sumber data utama adalah Hansard Parlimen untuk tempoh 2013-2018. Hasil kajian mendapati walaupun terdapat pelbagai sekatan ke atas pembangkang di luar Parlimen, namun dalam Parlimen ke-13, pembangkang memainkan peranan yang sangat aktif. Mereka telah berperanan untuk 1) menyuarakan kritikan terhadap tindakan Kerajaan; 2) mendesak pihak kerajaan supaya mengambil tindakan; 3) mendedahkan tindakan pihak kerajaan; dan 4) memberikan cadangan kepada pihak kerajaan untuk penambahbaikan dasar-dasar Kerajaan. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa pembangkang di Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam Parlimen ke-13 dan seterusnya ini memberi petunjuk bahawa kemenangan mereka pada PRU ke-14 bukanlah suatu perkara yang mustahil.

Abstract of theses presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirements for the Master of Science.

**ROLES OF THE OPPOSITION IN THE 13TH MALAYSIAN
PARLIAMENT (2013-2018)**

AMIRUL AZAM BIN ASRI

2023

Main Supervisor : Rosyidah bt. Muhamad, Ph.D

Co-Supervisor : Rahaya bt. Md Jamin, Ph.D

**Faculty : Faculty of Business, Economics, and Social
Development**

Malaysia is a parliamentary democracy country by which general elections (GE) are held once every five years to elect representatives from either the opposition or the government in the House of Representatives. This study analyzes the role of the opposition in the 13th Parliament of Malaysia from 2013 to 2018, and the specific involvement of the opposition in the budget presentation in Malaysian Parliament. Although Malaysia is a democratic nation, it is often referred to as a “semi-democratic” country in practice. This is because the practice of the government system in Malaysia often blocks the opposition from playing its role outside of Parliament. Thus, this study analyzes the roles played by the opposition in Parliament, based on the three issues in question. The first is to identify the main issues raised by the opposition in the 13th Parliament; the second is to assess the extent to which the opposition participated in the debate during the presentation of the national budget at the 13th Parliamentary Assembly; and the third is to examine the roles of the opposition in the 13th Parliament. This study employs a qualitative approach through document analysis to analyze the Parliamentary Hansard for the duration of 2013-2018. The results of the study found that although there were various restrictions placed upon the opposition

outside of Parliament, they played a very active role in the 13th Parliament of Malaysia. They have played their role in 1) voicing out criticisms of government actions; 2) urging government parties to act; 3) disclosing government actions; and 4) making suggestions to the government for improvement of government policies. Therefore, this study found that the opposition in Malaysia played an active role in the 13th Parliament, indicating that their subsequent victory in the 14th GE was not impossible.